

01/02/1999

Penyenaraian Clob tunggu masa sesuai

Hatipah Ahmad

PIHAK berkuasa masih meneliti masa paling sesuai bagi membolehkan pelabur Central Limit Order International (Clob) yang memegang saham Malaysia untuk disenaraikan di pasaran tempatan.

Seorang jurucakap di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), berkata pihaknya pasti memaklumkan kepada semua pihak apabila mendapat keputusan masa paling sesuai bila pelabur Clob dapat menyenaraikan saham Malaysia yang dimiliki.

Difahamkan kenyataan mengenai tempoh paling sesuai bergantung kepada kesesuaian keadaan iaitu ketika pasaran tempatan mula stabil dan kukuh serta mampu menyerap risiko terutama spekulasi.

"Tambahan pula Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menyatakan pada pertemuannya dengan beberapa pengurus dana asing di Kuala Lumpur baru-baru ini, kerajaan masih meneliti tempoh paling sesuai untuk menyenaraikan saham terbabit," katanya kepada Berita Harian, di Kuala Lumpur.

Sebelum ini, timbul aduan daripada beberapa pelabur di Clob yang memegang saham Malaysia, tindakan pihak berkuasa yang dikatakan sengaja lewat-lewatkan tempoh penyenaraian semula saham mereka.

Tindakan itu didakwa menyebabkan kerugian besar kepada pelabur Clob berikutan urus niaga di Clob iaitu pasaran tidak rasmi Singapura bagi saham Malaysia dihentikan 14 September lalu.

BSKL mengumumkan tidak mengiktiraf dagangan sekuriti Malaysia di Clob pada 1 September dan menyebabkan saham itu terpaksa dipindahkan ke Malaysian Central Depositori (MCD) yang sudah membuka 172,419 akaun sekuriti interim bagi pelabur Clob.

Dagangan saham Malaysia di Clob dimulakan Bursa Saham Singapura (SES) pada 1990 iaitu selepas Malaysia menarik balik penyenaraian syarikat Malaysia di SES.

Bagaimanapun, disebabkan krisis ekonomi Asia pada pertengahan 1997, dagangan saham di Clob menjadi antara punca kejatuhan teruk di BSKL sehingga memaksa kerajaan mengambil keputusan tidak mengiktiraf dagangan saham Malaysia di Clob.

Permodalan pasaran BSKL jatuh kepada kurang RM300 bilion (AS\$80 bilion) daripada hampir RM900 bilion berikutan aktiviti spekulasi pelabur asing di Clob.

Walaupun BSKL sudah menyelesaikan pemindahan saham Malaysia di Clob, tetapi kerajaan belum mengiktiraf dagangan untuk 112 kaunter di Clob.

Antara sebab pemilik saham Malaysia di Clob tidak menjual saham mereka pada tarikh akhir ditetapkan ialah mahu mengambil faedah daripada peningkatan pasaran saham sekarang.

(END)